

**“CITA-CITA TANPA KEMAHUAN TIDAK KE MANA”**  
(Tan Sri Abdul Ghani Gilong)

**Di atas kerusi roda di pentas konvokesyen UMS, di hadapan lebih 1,000 orang bakal graduan dan hampir 4,000 orang keluarga graduan, Ghani yang baru hendak memulakan ucapannya menghela nafas panjang. Menitis air matanya melihat ribuan pasang mata yang begitu teruja melihatnya. Diambilnya sapu tangan dari kocek baju. Lalu dikesat air matanya perlahan-lahan. Ditolehnya sebentar ke sebelah kiri pentas. Diberikannya senyuman yang mungkin tidak mampu difahami oleh pembesar-pembesar negeri yang turut hadir dan para profesor dan pensyarah yang kelihatan bangga berjubah.**

Namun dia merasa kegembiraan yang sedikit berbeza kali ini. Dia berpeluang berada di majlis konvokesyen UMS dalam dewan berbentuk gong yang sungguh luas dan luar biasa persiapannya itu. Dia bangga melihat anak-anak Sabah dan lain-lain negeri di Malaysia duduk megah berjubah di hadapannya dalam laman Negeri Sabah. Beliau yang sudah dimamah usia menyebabkan beliau hanya mampu dibawa ke rostrum khas atas pentas itu dengan kerusi roda. Batinnya memaksanya untuk berdiri dan memeluk semua graduan yang ada di hadapannya. Ingin sangat dia berjabat mesra dengan pimpinan negeri dan universiti yang turut teruja menunggu ucapannya. Tiba-tiba sebaknya kembali lagi. Sukar baginya mengeluarkan sebarang kata. Pada ketika itulah fikirannya kembali menerawang ke masa silamnya.

Ghani sangat peramah dan mudah mesra melayan sesiapa sahaja yang ditemuinya. Orang yang baharu dikenalnya pada hari ini, pasti akan menjadi kenalan rapatnya bila bertemu kali kedua. Kepetahannya bercerita dan mengulas mengenai apa sahaja topik hangat yang berlaku di pekan Ranau dan negeri itu, menyebabkan beliau sering mendapat perhatian orang ramai. Beliau tidak pernah meninggikan suaranya kecuali bila diminta berucap. Pantang diberi peluang, Ghani dengan penuh bangga dan semangat yang berkobar-kobar akan menceritakan kepada semua orang kelebihan menjadi sebuah negara yang hebat dan perkasa. Seringkali dia menyebut merdeka itu tidak bermakna jika kita tidak segera mengisinya dengan pembangunan. Dia akan menyampaikan kepada semua orang bahawa kemahuan untuk maju tidak boleh diperjuangkan hanya dengan kata-kata dan secara bersendirian. Hal ini turut dilakukannya pada kesempatan turun ke Jesselton mengambil barangan stok untuk kedai runcit keluarganya di Ranau.

Kepetahannya berucap itu dan kekerapannya turun ke Jesselton telah menyebabkan namanya mula gah dalam kalangan masyarakat di Ranau dan kenalan ahli niaga rapatnya di Jesselton. Inilah yang membawa kepada perkenalannya dengan Donald (Tun Fuad Stephen). Malah, sejak mula mengenali Donald, Ghani

mula kerap menyertai apa sahaja pertemuan yang diadakan oleh Donald dengan ahli-ahli perniagaan di Jesselton dan kawasan berhampiran. Dia melihat bahawa kawannya itu mempunyai ketokohan seorang pemimpin yang luar biasa. Dia nampak persamaannya dengan Donald. Donald sangat kuat karismanya. Dia tertarik apabila Donald berkata bahawa Sabah perlu bergabung dalam pembentukan sebuah negara yang kuat dengan Malaya, Brunei dan Singapura.

Daripada situlah, Ghani sentiasa kelihatan ke mana sahaja Donald berada termasuklah di luar Jesselton. Malah, beberapa kali Ghani turut mengatur siri-siri perjumpaan Donald dengan masyarakat di Ranau. Kepada yang hadir menghadiri perjumpaan yang diadakan oleh Donald, Ghani turut menimba kemahirannya berucap sehinggalah beliau dapat membina namanya sebagai pemimpin masyarakat yang disegani. Acapkali dalam ucapannya, Ghani menegaskan bahawa pembentukan negara baharu bukan hanya ungkapan kepada sebuah cita-cita semata-mata. Ianya perlu digerakkan dengan kemahuan yang sangat kuat.

Untuk itu, beliau sering mencari fakta-fakta penting yang boleh memberi kefahaman kepada anggota masyarakat. Beliau juga tidak putus-putus berkawan dengan ramai pemimpin masyarakat yang disegani dari pelbagai etnik. Ini termasuklah Datu Mustapha (Tun Datu Mustapha), seorang pemimpin dan sahabat yang turut dikagumi keberaniannya. Dia berasa amat bangga mengenali secara rapat kedua-dua tokoh ini Donald dan Datu Mustapha. Merekalah yang sering membakar semangat kentalnya untuk berjuang bersama-sama merealisasikan penubuhan Malaysia.

Pantas masa berlalu. Dia sudahpun menikmati penggal-penggalnya sebagai anggota pentadbiran kerajaan di bawah pimpinan tiga Perdana Menteri. Terngiang-ngiang di telinganya kata-kata Tunku (Tunku Abdul Rahman) padanya. "Ghani, saya pilih kamu sebab saya ada banyak cerita menarik tentang kamu. Saya buat keputusan sebab kamu disukai oleh Donald dan Mustapha. Maka kamu jagalah hal-ehwal negeri Sabah." Ghani telah meminta tempoh sebulan untuk memberikan jawapan kepada Tunku kerana beliau risau tentang urusan kebunnya yang sering ditinggalkan terbiar beberapa kali. Walaupun sibuk dengan urusan membina negara, beliau sukar berpisah dengan kebunnya. Berkebun memang sudah menjadi hobi sejatinya. Dari aktiviti berkebunlah beliau sentiasa berasa sihat dan cergas. Berkebun menyebabkan beliau sentiasa sedar bahawa Manusia dan tanah itu adalah saling berkaitan. Manusia akan kembali ke tanah. Itulah yang turut menjadi intipati kepada keikhlasannya berjuang. Walaubagaimanapun Tunku tidak mengendahkan syarat Ghani. Tunku minta dia beri jawapan dalam tempoh seminggu untuk membuat keputusan. Atas dasar meletakkan kepentingan rakyat yakni negara sebagai yang utama maka beliau bersetuju dengan tawaran tersebut. Maka terpatutlah dalam sejarah, Abdul Ghani Gilong sebagai Menteri termuda dalam kabinet Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

Ketika diangkat menjadi Menteri sekali lagi oleh Tun Abdul Razak, beliau juga berasa bahawa pelantikannya itu ada kaitannya dari sokongan kedua-dua orang sahabatnya Fuad (Donald) dan Mustapha. Pendekkata, amat berbaloi rasanya berkawan dengan kedua orang sahabat karibnya itu. Bukan sahaja dia dapat membina kemahiran kepimpinannya semasa bersama mereka. Malah dia juga faham akan falsafah sebenar erti perjuangan yang perlu digenggam erat olehnya untuk membawa kemajuan kepada negeri Sabah.

Sebab itu ketika beliau ditanya mengenai hubungannya dengan Tun Fuad dan Tun Mustapha ketika kedua-dua orang sahabatnya itu berada dalam kem yang bertentangan, dia sedikit pun tidak membuat komen yang berat sebelah. Kedua-dua pemimpin itu sebenarnya baginya mempunyai matlamat perjuangan yang sama, yakni memastikan rakyat Malaysia di Sabah terus mendapat pembelaan dengan peluang membangun yang saksama dengan rakyat Malaysia di Malaya. Baginya kedua-dua pemimpin itu adalah sangat dekat di hatinya. Walaupun kedua mereka terlibat dalam pergeseran kepimpinan, itu semua adalah akibat dari perbuatan adu-domba dan tohmahan yang sengaja dibuat-buat oleh pihak yang berkepentingan dan tidak bertanggungjawab. Ghani mempunyai ikatan (*bonding*) yang kuat dengan Tun Fuad sejak mereka bersama dengan Sir Cobbold dan ahli-ahli lainnya mendengar sendiri keinginan rakyat Sabah menjayakan pembentukan Malaysia dahulu.

Ghani masih ingat suatu ketika bilamana Tun Fuad ke Kuala Lumpur untuk mematri persetujuan pembentukkan Malaysia, beliau sebenarnya ada perjumpaan dengan orang-orang di pedalaman untuk dihadiri. Lantas Ghani diminta untuk mewakili dan menyampaikan ‘janji’nya (Tun Fuad) kepada mereka. Ghani yang pada awalnya teruja untuk bersama Tun Fuad ke Kuala Lumpur terpaksa melupakannya dan akur kepada permintaan Tun Fuad. “Saya perlu ada seseorang yang saya sangat percaya untuk memaklumkan khabar gembira kelak ketika saya selesai berunding di Kuala Lumpur. Kau adalah Timbalan saya.” Nada Tun Fuad sangat mendalam dan melekat di hati Ghani.

Menyentuh mengenai Tun Mustapha pula, Ghani sangat tersentuh dengan kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh Tun Mustapha dalam mendapatkan sokongan masyarakat tanpa sebarang tentangan untuk Sabah menyertai Malaysia. Tun Mustapha juga bagi Ghani adalah seorang pemimpin Sabah yang sangat dikagumi dan dihormati oleh para pemimpin dari Malaya pada masa itu. Karektor Tun Mustapha sangat digeruni dan oleh itu apabila Tun Mustapha sekadar menggertak untuk membawa keluar Sabah dari Malaysia, gertakkannya itu telah dipandang serius oleh pimpinan tertinggi negara dan parti UMNO pada masa itu. Karisma Tun Mustapha itulah yang menyebabkan Ghani berasakan Tun Mustapha sangat dekat dengan beliau, hinggakan Ghani sanggup menyertai USNO dan meninggalkan UPKO (sebelum itu UNKO). Meninggalkan parti yang diasaskan oleh

sahabat baiknya, Tun Fuad. Dalam parti USNO pula, Ghani sempat menjadi Timbalan Presiden sekaligus menjadikan hubungan beliau dan Tun Mustapha menjadi semakin rapat.

Ghani masih ingat bagaimana sukarnya mendapat kepercayaan pemilik-pemilik tanah di Kundasang dan Ranau ketika pembinaan jalan raya menggabungkan pantai barat dan pantai timur Sabah dahulu. Tambahan pula kawasan tanah di Ranau dan Kundasang adalah kawasan tanah yang subur. Mujurlah sebagai anak jati Ranau beliau arif berkomunikasi dengan mereka. Sebab itulah mungkin dia dilantik sebagai Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak. Bertitik-tolak dari situlah jalan raya timur dan barat di negeri Sabah menjadi laluan penghubung yang utama sehingga ke hari ini.

Beliau masih ingat bukan mudah untuk memujuk orang-orang kampung untuk tujuan pembinaan jalan raya pada masa itu. Walau pun wang pampasan tanah ditawarkan oleh kerajaan, rakyat di luar bandar khususnya di Ranau dan Kundasang masih belum begitu faham kepada kepentingan jalan raya yang ingin dibangunkan. Pada masa yang sama, mereka sudah begitu selesa dengan keadaan hidup pada masa itu. Namun, komunikasi yang berkesan perlukan kearifan tempatan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab itu. Akhirnya, projek pembangunan jalan raya berjalan lancar dan barulah jalan menghubungkan Kota Kinabalu di Pantai Barat Sabah dengan Sandakan, Lahad Datu dan Tawau di Pantai Timur terbina.

Kini nikmat pembangunan ekonomi negeri Sabah masih turut bergantung kepada hasil pertanian. Semuanya ini berlaku kerana wujudnya rangkaian jalanraya yang melancarkan sistem pengangkutan bertitik-tolak dari peristiwa itu. Hatta, semasa berkempen ke serata ceruk dan rantau, Ghani khabarkan mengenai Negeri Sabah yang dianugerahkan dengan kawasan tanah yang subur dan luas. Pada masa yang sama, bentuk muka bumi negeri Sabah memberikan cabaran untuk memastikan hasil-hasil tanaman di negeri Sabah dapat dipasarkan dalam bentuk produk akhir yang kekal lama. Justeru itu, sistem pengangkutan dan pelbagai pembangunan dalam pemprosesan produk makanan berasaskan pertanian amat diperlukan.

Salah satu ungkapan kata-katanya yang dirasakan telah menyebabkan usahanya berjaya meyakinkan orang ramai ialah, "walaupun orang-orang kita sangat mahir dalam hal pertanian, tetapi akhirnya kita masih memerlukan pengangkutan yang pantas kerana pengangkutan boleh menyebabkan hasil pertanian yang cuma bertahan beberapa hari dapat dipasarkan ke luar." Tersenyum Ghani teringat akan kata-kata spontannya dalam satu majlis, "kalau ada jalanraya, adalah pembangunan."

**Sayembara Menulis Cerpen Hari Malaysia 2020 anjuran Ikatan Penulis Sabah (IPS)  
Pemenang Tempat Ketiga – ‘Cita-Cita Tanpa Kemahuan Tidak Ke Mana’**

Selaku anak petani, Ghani sendiri sangat berminat dengan pertanian. Suatu ketika semasa memegang portfolio berkaitan pertanian, beliau pernah membawa pegawai-pegawai kanannya termasuk penyelidik pertanian turun padang ke Ranau bersama-samanya. Kelucuan beliau pada ketika itu bilamana semua pegawai dan penyelidikanya ditanya satu persatu untuk memberikan pendapat atau idea masing-masing bagaimana Ranau boleh menjadi pusat pertanian utama di Malaysia. Tidak beliau sangka, dari situlah buah durian dari kebunnya mencuri tumpuan penggemar buah durian hingga dilabel pula "Durian Ghani Gilong" yang terkenal sebagai raja durian dalam kalangan penggemar durian di Sabah, khususnya di Ranau.

Tiba-tiba Ghani tersedar dari lamunannya. Entah berapa lama sudah dia terpaku sahaja atas kerusi roda. Dia segera mengusap air mata yang mengalir di pipi mengenang kisah perjuangan silamnya. Lamunan yang turut membawanya kepada masa 10 tahun, satu bulan dan satu hari sebagai anggota pentadbiran negara. Beliau bersyukur pada hari yang bersejarah itu, UMS tergerak untuk memilihnya menerima ijazah kehormat di Majlis Konvokesyen UMS yang ke-19. Tidak terlintas di hatinya untuk menerima penghargaan itu. Dia ikhlas lillahitaala dalam menumpahkan segala keringat mengharungi liku-liku perjuangannya dari mula membawa Sabah bergabung membentuk Malaysia sehinggalah berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu merancang pembangunan negeri Sabah. Walaupun pernah diumpat dan dikeji atas beberapa tindakannya, beliau tidak membalasnya. Beliau berserah kepada Allah swt. Baginya hanya Allah swt sahaja yang tahu niat sebenarnya.

Dia berasa kembali bertenaga. Dia perlu segera menyatakan sesuatu kepada para graduan di hadapannya. Mereka ini adalah pemimpin masa depan yang perlu tahu erti perjuangan sebenar bukan sahaja tentang erti kemerdekaan bahkan juga kenapa negara Malaysia itu perlu dibentuk dahulunya dan sentiasa dipertahankan sampai bila-bila. Pemimpin politik datang dan pergi. Namun, rakyat tidak boleh terkeliru dengan saranan-saranan pimpinan politik yang agak ekstreem. Anak-anak muda di hadapannya perlu tahu, pengalaman keperitan hidup yang dilalui oleh nenek moyang mereka yang seangkatan dengannya.

Sedikit terkejut dengan pengumuman pengacara majlis, Ghani memulakan ucapan dengan nada suara berbauk sebak. Beliau tersentuh dengan kata-kata pengacara majlis tadi, "menerusi universiti, pelbagai ilmu dapat disampaikan, tetapi belum tentu ilmu itu mampu melahirkan seorang insan hebat seperti Tan Sri. Tan Sri adalah personaliti unggul yang membuktikan ilmu itu juga mampu lahir dari seorang insan yang tidak punya pelajaran tinggi, asalkan sahaja beliau rajin berusaha, istiqamah menegakkan falsafah perjuangan yang suci dan sentiasa redha kepada takdir Allah SWT."

**Bercucuran air matanya kembali. Akan tetapi segera dilapnya pipi yang membasah dengan sapu tangan yang digenggamnya dari tadi. Cita-citanya sudah terlaksana disebabkan perjuangannya disandarkan pada kemahuan yang kental dan mapan. Dia bangga dan bersedia untuk menyampaikan ucapan terima kasih.**

**Latar belakang Penulis**

**DR JAKARIA DASAN** merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah. Bidang kepakaran beliau adalah Pengurusan Sumber Manusia. Beliau juga memegang jawatan pentadbiran sebagai Pengarah Pusat Kelestarian Libatsama Masyarakat, UMS.

Emel: [jakaria@ums.edu.my](mailto:jakaria@ums.edu.my)

Senarai Penuh Pemenang Sayembara Menulis Cerpen Hari Malaysia 2020 (*Keputusan dimaklumkan pada Hari Malaysia 2021*) anjuran Ikatan Penulis Sabah (IPS):

**Hadiah pertama**

***Mari Kita Pulang Rumah***

karya Nelson Dino (Sandakan)

**Hadiah kedua**

***Perjalanan Terakhir Seorang Hoguan Siou***

Karya Yusuf Mustanir (Sarawak)

**Hadiah ketiga**

***Cita cita Tanpa Kemahuan Tidak Kemana***

Karya Dr Jakaria Dasan (Kota Kinabalu)

**Empat Hadiah Penghargaan**

1. Biola Masa Silam mencari saudara kembar  
karya Dr Raymond Majumah (Kudat)
2. Antanom Pahlawan Murut  
karya Nurimas SN (Johor)
3. Tun Datu Mustapha Datu Harun  
karya Nur Farahin Noor Azman Ludin (Perak)
4. Kisah Juang di Bawah Bayu  
karya Nurfarahin Azmi (Tuaran)